

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ

SOALAN : NO. 301

Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan rancangan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan golongan belia luar bandar mendapat akses kepada pengajian yang lebih tinggi dari peringkat sekolah tanpa perlu keluar dari kampung halaman selain daripada kewujudan kolej komuniti serta adakah pihak kementerian akan mempermudah cara dan meluaskan lagi program pengajian atas talian supaya masyarakat luar bandar boleh mendapat akses kepada kemudahan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) prihatin dengan golongan yang kurang mendapat akses pendidikan seperti anak-anak luar bandar khususnya di pedalaman. Mulai sesi Akademik 2013/2014, mekanisme mod kemasukan bagi isi rumah 40% terendah (B40) untuk golongan yang berstatus sosio ekonomi rendah telah dilaksanakan dalam pengambilan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam melalui sistem pemilihan berasaskan prinsip meritokrasi.

Politeknik juga menyediakan kemudahan asrama bagi pelajar luar kawasan untuk melanjutkan pengajian di politeknik, di mana 24 daripada 36 kampus politeknik terletak di kawasan luar bandar. Ini membuka peluang kepada pelajar di kawasan berdekatan kampus mendapat akses

kepada pengajian yang lebih tinggi. Kampus-kampus politeknik yang berada di kawasan luar bandar ini menyediakan sejumlah 64,420 tempat melanjutkan pengajian.

Selain itu sebanyak 1,800 tempat melanjutkan pengajian tambahan akan disediakan berikutan daripada naik taraf beberapa kampus Institut Pendidikan Guru Malaysia yang berada di kawasan luar bandar seperti di Miri dan Bitangor (Sarawak), Tawau (Sabah) dan Arau (Perlis) kepada politeknik. Justeru membuka peluang kepada lepasan sekolah dari kawasan luar bandar untuk menyertai bidang TVET.

Dari segi pembelajaran pula, pelaksanaan *Massive Open Online Courses* (MOOC) iaitu medium kursus dalam talian yang hanya boleh diakses melalui internet dan juga inisiatif Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) turut dapat memberikan akses pendidikan tinggi kepada pelbagai pihak.